

05 JAN 1997

MELAKA AKAN KAJI PERKAMPUNGAN PENDUDUK DI PINGGIR SUNGAI

MELAKA, 5 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka akan menjalankan kajian mendalam terhadap perkampungan penduduk di beberapa pinggir sungai di negeri ini bagi mengelakkan tragedi jika berlaku banjir kilat.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata kajian secara mendalam itu akan dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Exco kerana terdapat beberapa kawasan penempatan penduduk di negeri ini di pinggir sungai.

"Kajian perlu dilakukan bagi mengelakkan berlakunya tragedi terutama banjir kilat yang boleh membahayakan penduduk," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Dr Mahathir Mohamad yang mahukan peraturan baru digubal untuk melarang pembinaan penempatan penduduk di pinggir sungai.

Mohd Zin berkata saranan Perdana Menteri itu akan dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Exco dan jika perlu pemindahan satu kawasan lain akan dibuka bagi menempatkan penduduk berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata kajian terperinci perlu dilakukan bagi memastikan penempatan penduduk yang ada sekarang ini selamat atau tidak sebelum sebarang keputusan dibuat.

Sehubungan itu, menurutnya arahan akan dikeluarkan kepada penguasa tempatan untuk mengemukakan laporan penempatan penduduk di pinggir sungai di setiap daerah masing-masing.

"Laporan itu bagi memudahkan kerajaan mengenal pasti bilangan keluarga dan jumlah kawasan penempatan penduduk di pinggir sungai di negeri ini," katanya. -- BERNAMA

MYD PR